

Anak Kita Adalah Diri Kita

Disertakan oleh ad

Apakah faktor yang menentukan kejayaan dalam mendidik anak-anak? Menurut kajian pakar-pakar psikologi, ada empat faktor yang menyumbang kepada kejayaan seseorang dalam apa jua profesyen atau tugas yang dipikulnya.

Faktor-faktor itu ialah ilmu (daya keintelektualan), maklumat, kemahiran (skill) dan sikap. Menurut kajian mereka lagi, sikap merupakan faktor yang paling dominan kerana ia menyumbang hampir 93% kepada kejayaan berbanding 7% oleh ilmu, maklumat dan kemahiran.

Atas dasar itu kejayaan atau kegagalan dalam mendidik anak-anak adalah ditentukan oleh hakikat ini. Ertinya, sikap yang betul oleh ibu bapa adalah lebih penting dari ilmu, maklumat dan kemahiran keibubapaan yang dimiliki oleh mereka untuk berjaya dalam mendidik anak-anak. Lihat sahaja Nabi Muhammad s.a.w. yang diutuskan untuk mendidik manusia. Demi kejayaan dalam misinya, baginda telah dikurniakan oleh Allah dengan sikap yang paling sempurna. Sabda baginda:

"Tuhanku telah mendidikku dan Dialah yang mengelokkan perilakuku."

Oleh itu apa yang hendak disampaikan oleh Rasul, terlebih dahulu telah menjadi sikap peribadinya. Baginda bercakap tentang sabar, setelah baginda sendiri bersikap sabar dalam menanggung derita dianiaya oleh kaumnya, kekurangan makanan serta menghadapi kematian satu demi satu orang-orang yang disayanginya. Bercakap tentang berani, setelah baginda sendiri berani menghadapi ancaman, berani berhijrah, berperang dan sebagainya.

Tindakan lebih berkesan daripada kata-kata. Benarlah tatkala Siti Aisyah r.ha ditanya, bagaimana akhlak Rasulullah, lalu dia menjawab, "Akhlaknya ialah al-Quran."

Hakikat ini mengingatkan saya kepada satu pengalaman yang pernah diceritakan sendiri oleh seorang kawan yang bertugas sebagai penasihat keluarga di sebuah jabatan agama Islam negeri. Menurut beliau, pernah seorang ayah mengadu kepadanya tentang sikap buruk anaknya yang suka mencuri pensil kawan-kawan di sekolah.

"Saya tidak tahan lagi dengan sikap anak saya. Dia suka mencuri. Cuba ustaz bayangkan, berkali-kali saya katakan, jangan mencuri, jangan mencuri, dia tetap juga mencuri. Dah saya ambil pensil di pejabat dan saya berikan kepadanya. Bukan sebatang, dua, tiga malah dah banyak. Tetapi aneh… dia masih suka mencuri pensil kawan-kawannya," adu ayah tersebut.

"Ambil pensil-pensil di pejabat dan diberikan kepadanya?" tanya kawan saya kepada ayah tersebut. Terkejut! Barulah ayah itu tersentak dan sedar bahawa dia juga rupanya telah ‘mencuri’ pensil milik syarikat untuk mengelakkan anaknya dari mencuri pensil kawan-kawannya. Dia dan anaknya sama sahaja… 2 X 5, 5 X 2!

Kajian pakar psikologi, fakta sejarah dan kisah benar ini (banyak lagi kisah sama yang boleh dinukilkan) telah membuktikan bahawa air najis tidak akan dapat membersihkan najis, ketam tidak akan dapat mengajar anaknya berjalan betul, ‘like father like son’, bapa borek anak rintik, ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi jua, kayu bengkok tidak mungkin menghasilkan bayang-bayang lurus – dan berbagai-bagai lagi ungkapan yang semaksud dengannya. Semua ini menunjukkan bahawa sikap ibu bapa sangat berpengaruh menentukan akhlak anak. Jika ibu bapa berkelakuan baik, maka dengan mudah anak-anak dapat diasuh untuk berkelakuan baik. Sebaliknya, sikap buruk ibu bapa akan turut ‘menjangkiti’ anak-anaknya.

Sebenarnya anak-anak boleh dicorakkan oleh kedua-dua ibu bapanya menerusi dua cara. Pertama secara genetik, kedua secara didikan. Secara genetik (biologi), pengaruh gen ibu bapa kepada anak-anak memang telah dibuktikan secara saintifik. Dalam konteks ini anak-anak boleh mewarisi rupa zahir ibu bapanya seperti warna kulit, rambut dan berkemungkinan turut mewarisi penyakit-penyakit zahir ibu bapanya seperti darah tinggi, kencing manis, sakit jantung dan lain-lain. Bukan itu sahaja malah anak-anak juga boleh mewarisi ‘penyakit-penyakit batin’ ibu bapanya secara semulajadi seperti pemaarah, kedekut, sombong dan lain-lain. Anak-anak juga boleh mewarisi sifat-sifat baik ibu bapanya seperti pemurah, pemaaf, berani dan lain-lain lagi.

Hakikat ini diakui sendiri oleh Rasulullah s.a.w. melalui sabdanya:

"Pilihlah tempat yang baik (isteri) untuk air mani kamu. Sesungguhnya kaum wanita itu melahirkan (keturunan) serupa dengan adik-beradik lelaki atau perempuan." (Riwayat Ibnu Asakir)

Dalam konteks yang sama, Rasulullah telah bersabda:

"Kahwinilah golongan yang soleh sebab urat itu mempengaruhi." (Riwayat Ibnu Adi)

Melalui dua hadis ini jelas menunjukkan bahawa faktor genetik (keturunan) memang ada pengaruhnya kepada kelakuan dan peribadi anak-anak. Walaupun pada hakikatnya anak lahir dalam keadaan suci bersih pada hari kelahirannya tetapi tabiat-tabiat ‘warisan’ dari ibu bapanya akan mudah ‘dipindahkan’ kepada anak itu selepas ia dilahirkan. Oleh kerana itulah Rasulullah s.a.w. menganjurkan agar para suami berhati-hati apabila memilih isteri kerana watak anak-anak akan serupa dengan watak adik-beradik di sebelah isteri (emak dan bapa saudara anak itu). Jangan terkejut, jika kita dapati ada sikap-sikap buruk atau kekurangan yang ada pada diri kita akan terlihat tumbuh pada diri anak-anak kita yang sedang membesar hari demi hari. Ya, anak-anak ialah darah daging kita.

Manakala menerusi cara kedua pula, anak-anak boleh mewarisi sifat ibu bapa mereka melalui proses pendidikan. Inilah saluran yang lebih penting dan utama. Imam Ghazali telah menegaskan bahawa watak semulajadi anak-anak boleh dibentuk sama ada ke arah baik atau sebaliknya mengikut acuan didikan yang diberikan. Kata beliau lagi, atas dasar inilah para rasul diutuskan. Jika watak semulajadi manusia tidak boleh diubah, untuk apa para rasul dan kitab-kitab diturunkan? Ini ditegaskan sendiri oleh Rasulullah s.a.w. dengan sabdanya:

"Sesungguhnya aku diutuskan untuk memperbaiki akhlak manusia."

Tegasnya, watak manusia memang boleh berubah dan diubah. Anak yang secara semulajadinya baik boleh jadi jahat jika silap didikan. Dan anak dari ibu bapa yang jahat sekalipun boleh jadi baik jika mendapat didikan yang baik.

Semuanya menunjukkan betapa pentingnya didikan. Pendek kata, faktor didikan lebih dominan daripada faktor genetik dalam menentukan keperibadian anak-anak. Inilah yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. melalui sabdanya:

"Anak-anak dilahirkan suci (fitrah), terpulangkah kepada ibu bapa mereka yang menjadikannya sebagai seorang Yahudi, Nasrani atau Majusi."

Dan dalam proses pendidikan ini, sikap ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting kerana pendidikan bukanlah satu tugas yang sempit yakni hanya melibatkan proses pemindahan ilmu melalui lisan dan bacaan sahaja. Tetapi ia adalah satu tugas yang luas dan berterusan, yakni melibatkan tindakan dan perlakuan di semua tempat, masa dan keadaan. Ilmu, maklumat dan kemahiran semata-mata tidak menjamin kita mampu mendidik pada setiap masa dan tempat berbanding sikap kita.

Oleh kerana itulah Rasulullah s.a.w. sendiri hampir setiap masa bersama sahabat-sahabatnya agar mereka dapat melihat sikap ‘Al-Quran hidup’ dalam kehidupan mereka sehari-hari. Baginda tidak bercakap sepanjang masa untuk mendidik, sebaliknya sikap yang dilahirkannya secara spontan itulah yang lebih banyak ‘bercakap’. Bayangkan… bagaimana setiap diam dan gerak Nabi turut dicatatkan sebagai hadis yang boleh dijadikan panduan bukan sahaja oleh mereka yang hidup sezaman dengannya tetapi juga oleh umat manusia sepanjang zaman. Ini menunjukkan, jika hendak berjaya mendidik, pertama banyak meluang masa duduk bersama dengan anak-anak didikan. Kedua, mendidik mereka menerusi sikap harian – yakni menjadi model hidup kepada anak-anak dengan merealisasikan sikap mukmin sejati dalam kehidupan harian kita.

Oleh kerana ibu bapa paling banyak bersama anak-anak mereka maka merekalah sebenarnya pendidik yang paling berpengaruh dalam mendidik anak-anak. Jika guru mendidik murid-muridnya di bilik darjah dan pada waktu persekolahan sahaja, ibu bapa pula terdedah untuk dilihat dan diteladani oleh anak-anak hampir setiap waktu dan di setiap tempat – pada waktu pagi, petang, malam, di meja makan, di dalam kereta, di padang permainan, di dapur, di ruang tamu dan lain-lain. Dalam apa jua keadaan, mata lebih dipercayai dari telinga. Maksudnya, apa yang dilihat oleh anak-anak lebih dipercayai dan berkesan untuk membentuk peribadinya daripada apa yang didengarnya dari syarahan, amanat dan nasihat kita yang berjela-jela (apalagi jika yang didengarnya bukan nasihat tetapi leteran dan makian).

Contohnya, sikap ibu bapa yang menghargai waktu dapat dilihat melalui sikapnya – bangun tidur awal pagi, tidak banyak berbual kosong, menepati janji, solat tepat pada waktu, komited dengan kerja. Ini lebih berkesan untuk mendidik anak-anak agar tidak membuang masa berbanding satu leteran atau syarahan panjang tentang keutamaan menghargai masa yang dilakukan berbulan-bulan atau bertahun-tahun lamanya. Sehubungan dengan itu, anak-anak hendaklah lebih banyak ‘diajak’ daripada ‘diarah’ untuk melakukan sesuatu kebaikan atau meninggalkan sesuatu kejahatan.

Diajak ertinya ibu bapa mesti turut serta dalam aktiviti yang dianjurkan kepada anaknya. Misalnya, jika anak ‘diajak’ sembahyang oleh bapanya, maka ibu, bapa serta anak sama-sama bersembahyang (berjemaah). Begitu juga apabila diajak makan, belajar, bermain dan lain-lain aktiviti. Ibu bapa seboleh-bolehnya mesti turut serta kerana pada masa inilah proses pendidikan boleh dilakukan secara lebih natural, harmoni dan berkesan. Cara makan anak-anak yang tidak betul, sifat tamak, pemilih atau sebagainya boleh dikesan pada waktu makan bersama. Di sini ibu bapa baru boleh menilai tabiat sebenar yang ada pada diri anak-anak untuk dididik. Tetapi yang lebih penting lagi ialah pada masa yang sama juga anak-anak boleh melihat bagaimana sikap, sifat dan cara makan yang ditunjukkan oleh ibu bapanya. Jika betul, alhamdulillah. Jika salah, jangan salahkan anak… dia ialah diri kita!

Minda anak-anak boleh dipandu ke arah yang betul dan dielakkan dari teladan yang salah ketika sama-sama menonton tv. Kesabaran dan ketelitian boleh diasuh semasa sama-sama bekerja di halaman rumah. Sifat pengasih boleh diterapkan semasa sama-sama memberi makan kepada haiwan peliharaan di rumah. Malah konsep ‘berjemaah’ ini hendaklah dikekalkan ketika berada dalam rumah dan di luar rumah. Jika bapa hendak pergi bekerja dan anak-anak pula hendak ke sekolah, maka bapa hendaklah menerangkan bahawa mereka hakikatnya sama-sama bertugas, cuma berlainan tempat dan mereka akan kembali untuk makan, solat dan berbual bersama apabila pulang ke rumah nanti.

Sebaliknya jika anak-anak hanya ‘diarah’ untuk melakukan sesuatu, sedangkan ibu bapanya tidak turut serta dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkannya maka proses pendidikan akan terencat. Misalnya, anak-anak diarahkan makan sedangkan bapanya terus membaca akhbar atau ibunya asyik menonton tv. Maka anak itu makanlah sendirian. Jika keadaan sedemikian berlaku, maka peluang mendidiknya akan berlalu begitu sahaja. Hasilnya, anak-anak akan dicorakkan sama ada oleh sikap sambil lewa ibu bapa itu sendiri atau oleh teman-teman, persekitaran atau apa sahaja faktor yang terdedah kepadanya.

Oleh itu adalah tepat sekali jika dikatakan bahawa "anak kita adalah diri kita". Mereka mewarisi sama ada tabiat semulajadi yang dipindahkan kepada mereka secara genetik oleh DNA dalam kromosom-kromosom kita ataupun tabiat hasil didikan yang baik ataupun yang buruk hasil melihat sikap hidup kita sehari-hari. Dalam apa jua keadaan, sifat taqwa ibu bapa sangat penting kerana itulah yang akan menjamin sikap positif oleh ibu bapa akan terpamer kepada anak-anak pada setiap masa, tempat dan keadaan. Hanya taqwa yang akan melahirkan akhlak – satu perlakuan baik secara spontan dan semulajadi – yang lahir tanpa dilakon-lakonkan, tanpa susah payah dan tanpa perlu difikir-fikirkan. Akhlak adalah ‘anggota batin’ kepada orang yang bertaqwa seperti tangan dan kaki menjadi ‘anggota lahir’ kepada manusia biasa.

Bila seorang ibu atau bapa itu bertaqwa, maka seluruh percakapan dan perbuatannya adalah teladan kepada anak-anak. Ya, walaupun taqwa itu di dalam hati namun kadang ia boleh dikesan pada beberapa keadaan… Salah satunya, lihatlah anak kita. Mereka adalah bayangan ketaqwaan kita, justeru anak-anak kita adalah diri kita!

(Koleksi ANIS/ Oleh AI Fitrah)